



SIARAN MEDIA

KEMPEN INTERNET SELAMAT: SK PASIR PUTEH TERAJUI PELAKSANAAN MODUL UNTUK MURID SEKOLAH RENDAH DI KENINGAU

KENINGAU, 14 Julai 2025 – Timbalan Menteri Komunikasi, YB Teo Nie Ching, hari ini hadir ke Program Kempen Internet Selamat (KIS) di Sekolah Kebangsaan Pasir Puteh, Keningau, Sabah.

Program ini merupakan kesinambungan KIS yang telah dilaksanakan di beberapa negeri lain, di bawah anjuran Kementerian Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). Seramai 120 orang pelajar Tahun 1 hingga Tahun 3 telah menyertai kempen ini di SK Pasir Puteh, Keningau, yang merupakan sekolah rendah pertama di Keningau yang menggunakan modul pelajar sekolah rendah bagi peringkat umur 7 hingga 9 tahun.

Kempen ini menggunakan modul khas yang direka khusus untuk golongan pelajar dalam lingkungan umur tersebut yang bertujuan meningkatkan kefahaman tentang penggunaan Internet secara umum, fungsi aplikasi Internet serta memberi kesedaran tentang risiko dan ancaman dalam talian. Selain itu, pelajar turut didedahkan kepada maklumat berkaitan had umur minimum iaitu 13 tahun ke atas bagi memiliki akaun media sosial.

Selain itu, antara yang diketengahkan dalam KIS ialah kesedaran tentang bahaya penggunaan Internet secara tidak terkawal serta galakan untuk meneroka aktiviti alternatif yang lebih positif. Pendekatan ini diharap dapat membantu pelajar memahami asas literasi digital, mengenali risiko buli siber dan pengantunan (*grooming*), serta mempelajari cara menggunakan Internet dengan selamat dan bertanggungjawab.

Penganjuran kempen ini diyakini mampu memberi penekanan kepada aspek keselamatan dalam talian, memupuk kesedaran awal, serta membudayakan penggunaan Internet yang positif, selamat dan bertanggungjawab dalam kalangan pelajar sekolah.

**Dikeluarkan oleh:
Komunikasi Korporat MCMC**